

**PERLEMBAGAAN BAGI**

**PERTUBUHAN INDUK**

**PERSATUAN PERANCANG BANDAR PIHAK BERKUASA TEMPATAN MALAYSIA**

(PPM-012-07-24092021)

**FASAL 1 NAMA**

(1) Pertubuhan ini dikenali dengan nama

**PERSATUAN PERANCANG BANDAR PIHAK BERKUASA TEMPATAN MALAYSIA**

Selepas ini disebut "Pertubuhan".

(2) Takrif Nama : **PERSATUAN PERANCANG BANDAR PIHAK BERKUASA TEMPATAN MALAYSIA (PETA) ADALAH PERSATUAN YANG DIANGGOTAI OLEH PERANCANG BANDAR YANG DILANTIK DAN BERKHIDMAT DENGAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN. DITUBUHKAN BAGI MENYUSUN ATUR SEMANGAT KERJASAMA DAN PERSAUDARAAN SECARA BERTERUSAN KE ARAH MENINGKATKAN MUTU PERKHIDMATAN PROFESION PERANCANG BANDAR, MERAPATKAN JURANG PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN YANG BERKESAN DALAM BIDANG PERANCANGAN BANDAR.**

(3) Taraf Pertubuhan : **Kebangsaan**

**FASAL 2 TEMPAT URUSAN**

1. Alamat berdaftar dan tempat urusan pertubuhan ialah

**JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG TINGKAT 16, KOMTAR  
10675 GEORGETOWN  
PULAU PINANG**

dan alamat untuk surat-menurut adalah

**JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG TINGKAT 16, KOMTAR  
10675 GEORGETOWN  
PULAU PINANG**

atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa;

2. Tempat urusan berdaftar dan alamat surat menyurat Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

## **FASAL 3 TUJUAN/MATLAMAT**

Tujuan Pertubuhan adalah seperti berikut :

- (1) MENJALANKAN PROGRAM DAN AKTIVITI KE ARAH PEMBENTUKAN SAHSIAH DAN JATI DIRI
- (2) MENJAGA KEBAJIKAN, HUBUNGAN PERSAUDARAAN DAN KEPENTINGAN PERKHIDMATAN PROFESION PERANCANG BANDAR DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN.
- (3) BERKONGSI PENGALAMAN DAN PENGETAHUAN "BEST PRACTIES" AMALAN PERANCANG BANDAR DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN.
- (4) MEMBINA IMEJ, SAHSIAH DAN KERJAYA PROFESIAN PERANCANG BANDAR DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN.
- (5) MEWUJUDKAN JALINAN KERJASAMA DAN RAKAN SINERGI DENGAN PERKHIDMATAN/PERSATUAN LAIN DALAM SEKTOR AWAM DAN SWASTA.
- (6) MENJANA PENDAPATAN DAN PEMILIKAN ASET BAGI MENAMPUNG KEPERLUAN KEWANGAN UNTUK MENJALANKAN AKTIVITI PERSATUAN SECARA TERATUR DAN MEMATUHI PERATURAN YANG DIKUATKUASA.

## **FASAL 4 KEAHLIAN**

- (1) Keahlian Pertubuhan adalah seperti berikut :

A. Ahli Biasa

- i. Kewarganegaraan : Malaysia
- ii. Umur Minima : 21 Tahun
- iii. Kawasan/Negeri Tempat Tinggal Ahli : Malaysia
- iv. Keturunan/Bangsa : SEMUA
- v. Jantina : LELAKI DAN PEREMPUAN
- vi. Agama : semua

vii. Kriteria Keahlian Yang Lain :

1. Ahli Biasa Terdiri Daripada Pegawai Perancang Bandar Atau Penolong Pegawai Perancang Bandar Dan Desa Bagi Jawatan Hakiki/Kontrak Yang Berkhidmat Di Pihak Berkuasa Tempatan.
2. Ahli Biasa Yang Telah Menjelaskan Yuran Keahlian Berhak Untuk Bersuara, Mengundi Dan Memegang Sebarang Jawatan Dalam Persatuan Mengikut Cara Yang Telah Ditetapkan Dalam Perlembagaan. Permohonan Keahlian Ini Hendaklah Dicadangkan Dan Disokong Oleh Seorang Ahli Jawatankuasa Dikemukakan Kepada Setiausaha Persatuan. Jawatankuasa Akan Meluluskan Permohonan Ini.
3. Ahli Biasa Tidak Boleh Menlaksanakan Tugas Dan Tanggungjawab Sebagai Seorang Perancang Bandar Bagi Pihak Lain Selain Daripada Pihak Berkuasa Tempatan Di Malaysia.

B. Ahli Bersekutu

Terbuka kepada mereka yang tidak memenuhi kriteria ahli biasa.

C. Ahli Kehormat

Tiada

D. Ahli Seumur Hidup

Terbuka kepada Ahli Biasa yang membayar yuran sekaligus.

E. Ahli Remaja

Tiada

(2) Tiap-tiap permohonan menjadi ahli hendaklah dicadangkan dan disokong oleh ahli dan dihantar kepada Setiausaha yang dikehendaki mengemukakan permohonan itu dengan secepat mungkin kepada Jawatankuasa untuk dipertimbangkan. Jawatankuasa boleh mengikut budi bicaranya menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebab.

(3) Tiap-tiap pemohon yang permohonannya telah diluluskan seperti yang tersebut di atas, hendaklah setelah membayar bayaran masuk dan yuran pertama seperti yang ditetapkan hendaklah diterima menjadi ahli Pertubuhan dan hendaklah ia sebagai ahli.

## FASAL 5 PERBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

(1) Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli Pertubuhan hendaklah memberi kenyataan bertulis 2 minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha dan menjelaskan segala hutangnya.

(2) Mana-mana ahli yang gagal mematuhi undang-undang Pertubuhan atau bertindak dengan cara yang akan mencemarkan nama baik Pertubuhan boleh dipecat atau digantung keahliannya bagi suatu tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Jawatankuasa. Sebelum Jawatankuasa memecat atau menggantung keahlian ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau penggantungannya secara bertulis. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang untuk memberi penjelasan dan membela dirinya. Pemecatan atau penggantungan itu hendaklah dilaksanakan melainkan mesyuarat agung menunda atau membatalkan keputusan itu atas rayuan oleh ahli tersebut.

## FASAL 6 SUMBER KEWANGAN

Sumber kewangan pertubuhan ini adalah daripada:

(1) Bayaran Masuk

RM 10.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh).

(2)(a) Yuran tahunan

RM 10.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh).

(i) Yuran tahunan hendaklah dijelaskan kepada Bendahari terlebih dahulu dalam tempoh 7 hari dari awal tiap-tiap tahun.

(b) Yuran Seumur Hidup (perlu dijelaskan semasa permohonan keahlian)  
RM 200.00(Ringgit Malaysia Dua Ratus )

(c) Ahli yang membiarkan hutang yurannya lebih daripada dua (2) tahun akan menerima surat peringatan yang ditandatangan oleh atau wakil Setiausaha, dan hilanglah hak-hak keistimewaannya sebagai ahli sehingga hutangnya telah dijelaskan.

- (d) Ahli yang membiarkan hutangnya sebanyak lebih dari jumlah yuran bagi tiga (3) tahun dengan sendirinya terhenti daripada menjadi ahli Pertubuhan dan Jawatankuasa boleh memerintahkan supaya tindakan yang sah diambil terhadapnya dengan syarat mereka berpuashati yang ahli itu telah menerima kenyataan berkenaan hutangnya terlebih dahulu.
- (e) Jawatankuasa mempunyai kuasa menetapkan yuran masuk semula bagi sesiapa yang telah membiarkan keahliannya terlucut disebabkan hutang.
- (f) Yuran khas atau kutipan wang daripada ahli-ahli untuk perkara yang tertentu boleh dipungut dengan persetujuan mesyuarat agung ahli-ahli. Sekiranya ada ahli yang mungkir membayar wang yuran tersebut dalam maka wang itu akan dianggap sama seperti hutang yuran tahunan.

(3) Sumbangan.

Pertubuhan ini dibenarkan untuk menerima sumbangan dalam bentuk wang dan barang. Sumbangan berbentuk wang hendaklah diisyiharkan dengan jelas dan tepat dalam Penyata Tahunan pertubuhan.

(4) Kegiatan Ekonomi

Pertubuhan ini boleh menjalankan kegiatan ekonomi seperti menjual, membeli, melabur, menyewa, memiliki harta alih dan tak alih serta lain-lain kegiatan ekonomi.

## FASAL 7 MESYUARAT AGUNG

(1) Pengelolaan Pertubuhan ini terserah kepada mesyuarat agung ahli-ahli. Sekurang-kurangnya satu perdua (1/2) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi atau dua kali jumlah ahli Jawatankuasa, mengikut mana yang kurang, hendaklah hadir di dalam mesyuarat agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi korum untuk mesyuarat.

(2) Jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh tidak lebih daripada 30 hari yang ditetapkan oleh Jawatankuasa; dan jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu, maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa meminda undang-undang Pertubuhan.

(3) Mesyuarat Agung Tahunan bagi Pertubuhan hendaklah diadakan dalam tempoh 12 bulan daripada tarikh Mesyuarat Agung tahunan terakhir tetapi tidak lewat daripada 12 bulan pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.

Agenda Mesyuarat Agung Tahunan adalah:

- (a) Mempertimbangkan laporan Jawatankuasa berkenaan aktiviti pertubuhan yang lalu.
- (b) Mempertimbangkan laporan Bendahari dan penyata kewangan yang telah diaudit
- (c) Memilih dan mengundi ahli-ahli Jawatankuasa dan Juru Audit (Jika Berkaitan).

- (d) Menguruskan perkara-perkara lain yang dibentangkan di dalam mesyuarat itu
- (4) Setiausaha hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan diadakan satu agenda mesyuarat termasuk salinan minit mesyuarat dan laporan aktiviti tahunan serta penyata kewangan Pertubuhan bagi tahun lalu yang telah diaudit. Salinan dokumen-dokumen ini juga hendaklah dibekalkan untuk dibaca oleh ahli-ahli di alamat tempat urusan Pertubuhan.
- (5) Mesyuarat Agung Khas bagi pertubuhan ini boleh diadakan:
- (a) bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa; atau
  - (b) atas permintaan beramai-ramai dengan bertulis oleh tidak kurang dari satu perlima (1/5) dari jumlah ahli yang berhak mengundi dengan menerangkan tujuan dan sebab mengadakannya. Permintaan ini hendaklah dihantar kepada Setiausaha Pertubuhan.
- (6) Mesyuarat Agung Khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.
- (7) Pengumuman dan agenda untuk Mesyuarat Agung Khas itu hendaklah diedarkan oleh Setiausaha kepada semua ahli-ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk bermesyuarat.
- (8) Fasal 7(1) dan 7(2) di dalam undang-undang ini berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan terpakai untuk Mesyuarat Agung Khas, tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli itu, maka mesyuarat tersebut hendaklah dibatalkan dan dalam masa 6 bulan dari tarikh ini, Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.
- (9) Setiausaha hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli satu salinan minit Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Khas dalam tempoh 3 bulan setelah selesainya mesyuarat itu.
- (10) Pengundian secara online dibenarkan apabila kehadiran fizikal tidak boleh dilakukan atas arahan Pihak Berkuasa apabila berlaku pandemik, serangan virus dan lain2, atau kejadian banjir besar yang menyebabkan perhubungan darat, laut atau udara terputus.

## FASAL 8 JAWATANKUASA

- (1) Satu Jawatankuasa seperti berikut yang dinamakan Pegawai Pertubuhan hendaklah dipilih Dua Tahun Sekali di dalam Mesyuarat Agung Tahunan.
- Seorang Presiden  
Seorang Timbalan Presiden  
Seorang Setiausaha

Seorang Penolong Setiausaha  
Seorang Bendahari  
Ahli Jawatankuasa Biasa adalah 12 orang.

(2) Pemegang-pemegang jawatan pertubuhan ini dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas eksekutif dalam Pertubuhan ini hendaklah terdiri daripada Warganegara Malaysia.

(3) Nama-nama untuk jawatan-jawatan di atas hendaklah dicadangkan serta disokong dan pemilihan akan dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli di dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Ahli yang tidak hadir dalam Mesyuarat Agung Tahunan boleh dicalonkan dan semua pegawai boleh dipilih semula dua tahun sekali.

(4) Fungsi Jawatankuasa ialah mengelola dan mengaturkan kerja-kerja harian Pertubuhan dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan Pertubuhan mengikut dasar am yang telah ditetapkan oleh mesyuarat agung. Jawatankuasa seharusnya tidaklah boleh mengambil tindakan yang bertentangan dengan mesyuarat agung dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Jawatankuasa mestilah sentiasa mematuhi keputusan mesyuarat agung. Jawatankuasa hendalah mengemukakan laporan berkenaan kegiatananya dalam tahun yang lalu kepada tiap-tiap Mesyuarat Agung.

(5) Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 Kali dalam setahun. Notis bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli Jawatankuasa 7 hari terlebih dahulu. Presiden dengan bersendirian atau tidak kurang daripada 4 orang ahli Jawatankuasa bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan mesyuarat Jawatankuasa pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya setengah (1/2) daripada bilangan ahli Jawatankuasa hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum mesyuarat.

(6) Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa dan mesyuarat Jawatankuasa tidak dapat diadakan, maka Setiausaha bolehlah mendapatkan kelulusan dari ahli-ahli Jawatankuasa secara pengedaran surat pekeliling. Syarat-syarat mengenainya seperti berikut mestilah disempurnakan sebelum keputusan Jawatankuasa

(a)Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dibutirkan dengan terang di dalam surat pekeliling yang diedarkan kepada tiap-tiap ahli Jawatankuasa.  
(b)Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan ahli Jawatankuasa mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka terhadap itu; dan  
(c)Keputusan hendaklah dengan undi yang terbanyak. Sebarang keputusan yang didapati melalui surat pekeliling hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha kepada mesyuarat Jawatankuasa berikutnya untuk disahkan dan dicatitkan dalam minit.

(7) Ahli Jawatankuasa yang mungkir menghadiri mesyuarat Jawatankuasa tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan akan disifatkan sebagai telah meletakkan jawatan.

(8) Jika seorang ahli Jawatankuasa meninggal dunia atau meletakkan jawatan, calon yang kedua mendapat undi terbanyak di dalam pemilihan yang lalu hendaklah dipanggil untuk memenuhi kekosongan itu. Jika calon yang sedemikian tidak ada atau menolak jawatan itu, maka berkuasalah Jawatankuasa melantik ahli yang lain memenuhi kekosongan itu sehingga Mesyuarat Agung Tahunan.

(9) Jawatankuasa boleh memberi arahan kepada Setiausaha dan pegawai-pegawai lain untuk menjalankan urusan Pertubuhan, dan melantik pengurus dan kakitangan yang difikirkan mustahak. Ia boleh menggantungkan atau melucutkan jawatan sebarang pengurus atau kakitangan kerana cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, engkar menjalankan keputusan Jawatankuasa, atau kerana sebab-sebab yang difikirkan boleh merosakkan kepentingan Pertubuhan.

(10) Jawatankuasa boleh menujuhkan Jawatankuasa Kecil jika difikirkan mustahak dan memberikan kewajipan khas kepada sebarang ahli Jawatankuasa.

(11) Jawatankuasa yang lama hendaklah menyerahkan semua dokumen Pertubuhan seperti sijil pendaftaran, perlembagaan berdaftar, salinan Penyata Tahunan, surat-surat maklumbalas, buku-buku akaun, buku bank, cek dan resit, geran-geran tanah, senarai aset dan sebagainya kepada Jawatankuasa baru.

## FASAL 9 KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI

(1) Presiden dalam tempoh menyandang jawatannya, hendaklah menjadi pengerusi semua mesyuarat agung dan semua mesyuarat jawatankuasa dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dan hendaklah menandatangani minit mesyuarat bila ia diluluskan.

(2) Timbalan Presiden hendaklah memangku tugas Pengerusi semasa ketiadaannya.

(3) Setiausaha hendaklah menjalankan kerja pentadbiran Pertubuhan mengikut perlembagaan dan hendaklah ia menjalankan semua perintah mesyuarat agung dan jawatankuasa. Ia bertanggungjawab mengendalikan urusan surat menyurat dan menyimpan semua rekod dan dokumen Pertubuhan, kecuali buku-buku akaun dan dokumen kewangan. Setiausaha hendaklah menyimpan buku daftar ahli yang mengandungi maklumat terperinci ahli mengikut kategori seperti nama, tempat dan tarikh lahir, nombor kad pengenalan, pekerjaan, nama dan alamat majikan dan alamat rumah kediaman tiap-tiap ahli. Ia hendaklah hadir dalam semua mesyuarat dan membuat catatan mesyuarat.

(4) Penolong Setiausaha hendaklah menolong Setiausaha menjalankan kerjanya dan memangku jawatan itu semasa ketiadaan Setiausaha.

(5) Bendahari adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan Pertubuhan. Dia hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya atas ketepatan penyata

kewangan pertubuhan yang terdiri daripada penyata penerimaan dan perbelanjaan serta kunci kira-kira.

(6) Ahli Jawatankuasa Biasa hendaklah membantu Jawatankuasa dalam menjalankan tugas yang diarahkan olehnya.

## FASAL 10 KEWANGAN

(1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berikut dalam perlembagaan ini wang Pertubuhan ini boleh digunakan untuk perkara-perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan Pertubuhan, termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji, biayaan dan perbelanjaan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bergaji serta upah juruaudit.

(2) Bendahari dibenarkan menyimpan wang tunai tidak lebih daripada RM 5000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ribu Sahaja) pada sesuatu masa. Wang yang lebih dari jumlah itu mestilah dalam tempoh 7 hari dimasukkan ke dalam akaun bank atas nama Pertubuhan.

(3) Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang dari akaun Pertubuhan hendaklah ditandatangani bersama oleh Presiden, Setiausaha dan Bendahari. Walaubagaimanapun, Jawatankuasa berhak melantik sesiapa antara mereka sebagai pengganti untuk menandatangani cek atau pengeluaran wang Pertubuhan semasa ketiadaan mana-mana penandatangan tersebut.

(4) Perbelanjaan yang lebih daripada RM 10,000.00(Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu Sahaja) bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa, dan perbelanjaan yang lebih daripada RM 100,000.00 (Ringgit Malaysia Seratus Ribu Sahaja) bagi sesuatu masa tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran mesyuarat agung terlebih dahulu. Perbelanjaan RM 10,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu Sahaja) dan ke bawah bagi sesuatu masa boleh diluluskan bersama oleh Presiden, Setiausaha dan Bendahari.

(5) Penyata kewangan bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa oleh Juruaudit yang dilantik di bawah Fasal 11 perlembagaan ini dengan seberapa segera setelah tamatnya tahun kewangan. Penyata kewangan yang telah diaudit itu hendaklah diedarkan untuk makluman ahli-ahli dan dikemukakan untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan yang berikut. Setiap salinan tersebut hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli di tempat urusan Pertubuhan.

(6) Tahun kewangan Pertubuhan ini hendaklah bagi tempoh 12 bulan iaitu bermula dari 1 Januari .

## FASAL 11 JURUAUDIT

(1) Dua orang yang bukannya pegawai Pertubuhan hendaklah dilantik di dalam Mesyuarat Agung Tahunan sebagai Juruaudit. Mereka yang memegang jawatan

selama DUA TAHUN boleh dilantik semula.

(2) Juruaudit adalah dikehendaki memeriksa penyata kewangan Pertubuhan bagi DUA TAHUN. Juruaudit hendaklah membuat perakuan dan menandatangi penyata kewangan tersebut untuk pertimbangan Mesyuarat Agung Tahunan. Mereka juga dikehendaki pada bila-bila masa oleh Presiden mengaudit penyata kewangan Pertubuhan pada bila-bila masa di dalam tempoh perkhidmatan mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa.

## FASAL 12 PENTADBIR HARTA / PEMEGANG AMANAH

(1) Segala harta tidak alih Pertubuhan hendaklah didaftarkan atas nama Pertubuhan dan segala surat cara pelaksanaan berkaitan dengan harta ini dianggap sah dan berkuatkuasa seolah-olah ianya telah dilaksanakan oleh seorang tuan punya berdaftar dengan syarat surat cara itu disempurnakan oleh 3 orang pemegang jawatan pertubuhan pada masa itu yang mana perlantikan mereka disahkan melaui sijil perakuan yang dikeluarkan oleh Pendaftar Pertubuhan dan dimeteri dengan meteri Pertubuhan.

(2) Harta tidak alih Pertubuhan tidak boleh dijual, digadai, ditarik balik atau ditukar milik tanpa persetujuan Mesyuarat Agung.

## FASAL 13 TAFSIRAN PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN

(1) Dalam tempoh diantara dua Mesyuarat Agung, Jawatankuasa boleh memberikan tafsirannya kepada perlembagaan ini dan Jawatankuasa, jika perlu, boleh memutuskan perkara-perkara yang kurang jelas di dalam perlembagaan ini.

Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat dalam mesyuarat agung, keputusan Jawatankuasa terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika tidak diubah oleh keputusan Mesyuarat Agung.

## FASAL 14 PENASIHAT / PENAUNG

(1) Jawatankuasa boleh, jika difikirkan perlu, melantik orang-orang yang layak menjadi Penasihat/Penaung bagi Pertubuhan ini dengan syarat orang yang dilantik itu menyatakan persetujuannya secara bertulis terlebih dahulu.

## FASAL 15 LARANGAN

(1) Sebarang bentuk perjudian seperti yang ditafsirkan dalam Akta Rumah Judi Terbuka, 1953 adalah dilarang di permis pertubuhan.

(2) Pertubuhan atau ahli-ahlinya tidak harus cuba menghalang atau dengan apa

cara juga mengganggu perniagaan atau harga barang-barang atau mengambil peranan di dalam gerakan kesatuan pekerja seperti definisi di dalam Akta Kesatuan Pekerja 1959.

(3) Pertubuhan ini tidak boleh menjalankan loteri sama ada dikhaskan kepada ahli-ahli atau tidak, atas nama Pertubuhan atau pegawai-pegawai atau Jawatankuasa atau ahli, tanpa kelulusan dari pihak berkuasa yang berkenaan.

(4) Faedah seperti yang diterangkan di bawah Seksyen 2 Akta Pertubuhan 1966, tidaklah boleh diberikan oleh Pertubuhan kepada mana-mana ahlinya.

(5) Semua wang dan keuntungan yang didapati oleh Pertubuhan ini hasil dari penyertaannya dalam kegiatan ekonomi hendaklah disalurkan kembali kepada pertubuhan bagi mencapai matlamat pertubuhan ini dan tidak boleh digunakan untuk membayar faedah, keuntungan atau bonus kepada mana-mana ahli Pertubuhan. Sungguhpun begitu peruntukan ini tidak menghalang sebarang pembayaran gaji atau perbelanjaan pentadbiran atau kedua-duanya kepada mana-mana ahli atau pekerja Pertubuhan.

## FASAL 16 PINDAAN PERLEMBAGAAN

(1) Perlembagaan ini tidak boleh dipinda kecuali dengan keputusan Mesyuarat Agung. Permohonan untuk pindaan perlembagaan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 60 hari dari tarikh keputusan Mesyuarat Agung yang meluluskan pindaan itu dan hanya boleh dikuatkuasakan mulai daripada tarikh pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

## FASAL 17 PEMBUBARAN

(1) Pertubuhan ini boleh dibubarkan secara sukarela melalui persetujuan tidak kurang daripada tiga perlima (3/5) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi dalam suatu Mesyuarat Agung yang dipanggil khas kerananya.

(2) Sekiranya Pertubuhan hendak dibubarkan secara yang disebutkan di atas, maka segala hutang dan tanggungan Pertubuhan yang sah mengikut undang-undang hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui dalam Mesyuarat Agung yang berkenaan.

(3) Permohonan pembubarannya hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 14 hari dari tarikh keputusan pembubarannya.

## FASAL 18 BENDERA, LAMBANG DAN LENCANA

### 1. Bendera

-

Keterangan

-

## 2. Lambang



= = <  
Keterangan

PETA ialah Persatuan Perancang Bandar Pihak Berkuasa Tempatan

Bulatan Merah merupakan buah fikiran pegawai-pegawai perancang bandar PBT Malaysia yang dinamik, berdaya maju dan berilmu

Ikon Badan Berwarna Kuning merupakan Institusi Raja-Raja Melayu juga tidak ketinggalan dalam pembangunan perancangan bandar kerana tanah-tanah di Malaysia ada yang masih di bawah kuasa Raja-Raja Melayu dan Negeri.

Ikon Badan Berwarna Biru merupakan pegawai-pegawai perancang bandar PBT Malaysia yang bersatu serta bermuafakat di dalam memberikan buah fikiran kepada pembangunan dan rekabentuk perancangan bandar.

Grid Bumi Berwarna Hijau adalah keseluruhan Tanah Melayu yang dibawah kuasa PBT Malaysia.

Ikon Tiga Orang adalah mewakili Institusi Raja-Raja dan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia bagi bergandingan bahu dalam pembangunan rekabentuk perancangan bandar.

## 3. Lencana

-

Keterangan

-